

09/01/1998

Pemimpin, pentadbir rasuah boleh runtuh pengurusan

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin dan pentadbir yang tidak amanah, termasuk mengamalkan rasuah secara berterusan, akan menyebabkan pengurusan serta pentadbiran kerajaan runtuh, manakala negara huru-hara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, jika wujud pula pakatan jahat antara pentadbir atau anggota pentadbiran dengan peniaga atau pengusaha yang tamak, kesannya ialah kos pentadbiran dan pembangunan melambung naik.

"Dan rakyat akan terpaksa memikul kos ini kerana banyak kemudahan yang sepatutnya dibekalkan kepada rakyat tidak dapat dibekal atau segala bayaran untuk kemudahan awam menjadi tinggi," katanya ketika melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini hari ini.

Gerakan itu diawasi oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Ia antara lain untuk menangani masalah dan kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tata tertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Dr Mahathir berkata, walaupun angka rasuah di negara ini meningkat, kerajaan masih boleh mengawalinya.

Bagaimanapun, ia memerlukan kesanggupan mereka yang mempunyai maklumat menyampaikan kepada BPR atau polis.

(END)